

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 3/1982**

### **DASAR PEMBERIANMILIK TANAH KEPADA BADAN BERKANUN ( AJENSI KERAJAAN ) NEGERI ATAU PERSEKUTUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pemungut Hasil Tanah mengenai dasar dan syarat pemberianmilik tanah kepada Badan-badan Berkanun Kerajaan Negeri atau Persekutuan.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuaratnya pada 10.2.1982 telah menimbangkan Kertas Bil. 3/58/82/(7) mengenai syarat pemberianmilik tanah kepada Badan-badan Berkanun dan telah membuat satu keputusan dasar bahawa pemberianmilik tanah kepada Badan-badan tersebut samada tanah bandar, pekan atau desa hendaklah dikenakan syarat-syarat seperti yang tersebut di perenggan 3 di bawah. Walaubagaimanapun syarat-syarat yang dikenakan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) adalah tertakluk kepada perenggan 4 dalam Pekeliling ini.

3. Syarat-syarat yang dimaksudkan dalam perenggan 2 di atas adalah seperti berikut:-

(a) Jenis Bangunan

- (i) Jenis Hakmilik - Pajak Negeri / Mukim 99 tahun
- (ii) Harga Tanah - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan, 1966 jika tanah yang hendak diberimilik itu asalnya Tanah Kerajaan. Jika tanah itu hasil daripada proses pengambilan yang mana pampasannya telah dibayar oleh agensi yang berkenaan maka harganya adalah nominal sahaja iaitu \$10.00.
- (iii) Hasil Tahunan - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan, 1966.
- (iv) Sekatan Kepentingan - Tanah yang terkandung dalam Hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik atau dipajak melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

- (v) Syarat Nyata - Mengikut kegunaan sebenar sama ada untuk perniagaan atau kediaman.
  - (vi) Upah Ukur - Mengikut Peraturan Bayaran Ukur L.N.486 / 65 dan P.U.(A) 138/75.
  - (vii) Lain-lain Bayaran - Mengikut kadar dalam Peraturan Tanah Kelantan, 1966.
- (b) Jenis Perusahaan
- (i) Jenis Hakmilik - Pajakan Negeri/Mukim 66 tahun atau kurang.
  - (ii) Harga Tanah - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966 jika tanah yang hendak diberimilik itu asalnya Tanah Kerajaan. Jika tanah itu hasil daripada proses pengambilan tanah yang mana pampasannya telah dibayar oleh agensi yang berkenaan maka harganya nominal sahaja iaitu \$10.00.

(iii) Hasil Tahunan - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

(iv) Sekatan Kepentingan

(i) Tanah yang dipegang dengan hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

(ii) Tanah yang dipegang dengan hakmilik ini tidak boleh dipecah sempadan, dipecah bahagian atau dicantum dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

(v) Syarat Nyata

(i) Tanah yang dipegang dengan hakmilik ini hendaklah digunakan terus menerus dan sepenuhnya untuk perusahaan kilang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- (ii) Pemegang hakmilik ini hendaklah dalam masa satu tahun daripada tarikh pendaftaran pajakan ini atau dalam tempoh yang dilanjutkan oleh Kerajaan, membina di atas tanah yang diberimilik ini sebuah bangunan kilang atau kilang-kilang, mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan dan selepas itu hendaklah memelihara (maintain) kilang atau kilang-kilang yang dibina itu dengan memuaskan Pihak Berkuasa Negeri.
- (iii) Pemegang hakmilik ini hendaklah membayar dan menjelaskan semua cukai-cukai, penilaian dan lain-lain tanggungan yang dikenakan di atas hakmilik ini samada oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.
- (iv) Pemegang hakmilik ini adalah bertanggungjawab mengawal dan mengawasi segala kekotoran disebabkan oleh perusahaannya di dalam hakmilik ini dengan cara-cara yang memuaskan Pihak Berkuasa Negeri.
- (v) Upah Ukur - Mengikut Perintah Bayaran Ukur L.N.486/65 P.U.A.438/75.
- (vi) Lain-Lain Bayaran Pejabat - Mengikut kadar yang terjadual dalam

Peraturan Tanah  
Kelantan 1966.

(c) Jenis Perusahaan

- (i) Jenis Hakmilik - Pajak Negeri/Mukim 99 tahun.
- (ii) Harga Tanah - Mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa.
- (iii) Hasil Tahunan - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.
- (iv) Sekatan Kepentingan - Tanah yang terkandung dalam Surat Hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik dan dipajak melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- (v) Syarat Nyata - Mengikut kegunaan sebenar iaitu jenis tanaman yang dikehendaki oleh ajensi.

- (vi) Upah Ukur - Mengikut Perintah Bayaran Ukur L.N. 486/65 P.U.A. 438/75.
- (vii) Lain-lain bayaran - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

4. Bagi pemberianmilik tanah kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) syarat-syarat yang sama seperti dalam perenggan 3 di atas hendaklah dikenakan melainkan syarat-syarat Jenis Hakmilik dan Sekatan Kepentingan hendaklah dikenakan seperti berikut :-

a) Bagi Tanah Desa

- (i) Kategori Bangunan ( samada kediaman atau Perniagaan ) - Hakmilik kekal (geran)  
  
Sekatan Kepentingan  
Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik dan dipajak melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- (ii) Kategori Pertanian - Hakmilik Kekal ( geran )
- (iii) Kategori Perusahaan - Pajakan 66 tahun dan

syarat sebagaimana  
Pekeliling PTG.Bil. 1/1980.

(b) Bagi Tanah Bandar dan Pekan

- (i) Kategori Bangunan (samada Kediaman atau Perniagaan) - Pajakan 99 tahun ( jika yang akan diberimilik itu asalnya tanah kerajaan ).
- Hakmilik Kekal (geran).  
( Jika tanah yang akan diberimilik itu asalnya tanah dibawah hakmilik kekal yang diambil mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960).

Sekatan Kepentingan

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik dan dipajak melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

- (ii) Kategori Perusahaan - Pajakan 66 tahun dan syarat sebagaimana Pekeliling PTG.Bil.1/1980.



- ( c ) Bagi mempercepatkan proses memindahmilik dan menggadai tanah-tanah perumahan dan kedai-kedai yang dimiliki oleh PKINK atau YAKIN maka hendaklah disyorkan supaya Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa meluluskan pemberianmilik memberi jua kelulusan bagi membebaskan Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 KTN dan memberi kelulusan di bawah Seksyen 13A Enakmen Bil. 18/30 bagi pindahmilik daripada PKINK atau YAKIN kepada pembeli pertama yang diluluskan oleh PKINK atau YAKIN dan pembeli pertama menggadai kepada Institusi Kewangan yang boleh memegang gadaian tetapi tidak disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930.
5. Dasar ini juga tertakluk kepada Pekeliling PTG.Bil. 8/1976 jika berlaku pindahmilik kepada Orang-Orang Bukan Melayu dan Bukan Peranakan Kelantan, melainkan ada arahan bertulis yang berlainan.
6. Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan Bil. 3/1973 dan Bil.5/1975 adalah dengan ini dibatalkan.
7. Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian kepada Pekeliling ini dan melaksanakannya mulai daripada 1hb. April, 1982.

**t.t**  
**( Ab.Hamid bin Hj. Abu Bakar )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN,  
KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG. (LN) 3873/(78)**

**BERTARIKH: 21 HB. MAC 1982.**

**KEPADA :-**

YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan.

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan, Kota Bharu.

YABrs. Pengarah Ukur Kelantan, Kota Bharu.

YABrs. Pengarah TAKDIR Negeri Kelantan, Kota Bharu.

YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah, Kelantan , Kota Bharu.

YABrs. Ketua Cawangan Odit Kelantan, Kota Bharu.